

KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

Kementerian Kesihatan Malaysia
Aras 12, Blok E7, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62590 PUTRAJAYA

Tel.: 03-8000 8000

Rujukan kami : KKM.600-34/12/1 JLD 5 (17)
Tarikh : 19 Disember 2023

SEPERTI SENARAI EDARAN

YBhg Datuk/Dato' Indera/Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan,

ARAHAN PENYERAGAMAN KEKUATAN UBAT SUNTIKAN ADRENALINE

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Seperti mana yang YBhg. Datuk/Dato' Indera/Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan sedia maklum, *medication error* merupakan isu keselamatan global dan Kementerian Kesihatan Malaysia sentiasa komited untuk meningkatkan kualiti keselamatan pengubatan pesakit di semua fasiliti kesihatan di seluruh negara. Ini selari dengan matlamat *Malaysia Patient Safety Goal 2.0* yang menasaskan sifar kes *medication error* yang mengakibatkan kesan mudarat teruk atau kematian pesakit.

3. Pada tahun 2022, terdapat satu insiden *medication error* yang disebabkan oleh kesilapan kekuatan ubat suntikan adrenaline. Kesilapan ini telah menyebabkan kesan mudarat kepada pesakit yang berusia tiga bulan. Pesakit telah menerima dos suntikan adrenaline sebanyak sepuluh kali ganda daripada dos yang sepatutnya dan menyebabkan beliau mengalami hipertensi

dan takikardia. Kesilapan ini berlaku semasa penyediaan ubat kerana terdapat keliruan pada kekuatan yang dipreskrib dalam unit nisbah (1:10,000).

4. Kajian membuktikan bahawa penggunaan unit nisbah bagi kekuatan ubat adrenaline sering menimbulkan kekeliruan di kalangan anggota kesihatan dan menyebabkan kesan mudarat kepada pesakit. Sehubungan itu, sebagai langkah keselamatan, **semua anggota kesihatan diminta untuk memesan, melabel, mendispens dan berkomunikasi tentang kekuatan ubat suntikan adrenaline dalam unit metrik, mg/ml sahaja**, selaras dengan saranan *Institute for Safe Medication Practice* (ISMP). Sekiranya garis panduan atau protokol yang dirujuk menyatakan kekuatan ubat adrenaline dalam unit nisbah, ia perlu ditukar kepada unit metrik, mg/ml terlebih dahulu untuk mengelakkan kekeliruan.


5. Sehubungan dengan itu, semua fasiliti kesihatan diarahkan untuk melaksanakan arahan ini mulai **serta merta**. Semua Pengarah Kesihatan Negeri, Pegawai Kesihatan Daerah, Pengarah Hospital dan petugas kesihatan terlibat diarahkan untuk memastikan pelaksanaan arahan ini.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(DATUK DR. MUHAMMAD RADZI ABU HASSAN)

s.k:

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan)

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam)

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Penyelidikan & Sokongan Teknikal)

Pengarah Kanan Program Kesihatan Pergigian

Pengarah Kanan Program Perkhidmatan Farmasi

Sekretariat Majlis Keselamatan Pesakit Malaysia

SENARAI EDARAN

Pengarah

Bahagian Kawalan Penyakit

Pengarah

Bahagian Perkembangan Perubatan

Pengarah

Bahagian Amalan Perubatan

Pengarah

Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga

Pengarah

Bahagian Perkembangan Kesihatan Awam

Pengarah

Bahagian Kejururawatan

Pengarah Kesihatan Negeri

Jabatan Kesihatan Negeri Perlis, Kedah, Pulau Pinang, Perak, Selangor, WP Kuala Lumpur & Putrajaya, Negeri Sembilan, Melaka, Johor, Pahang, Kelantan, Terengganu, Sabah, Sarawak, WP Labuan

Pengarah

Hospital Kuala Lumpur

Pengarah

Institut Kanser Negara

Pengarah

Pusat Darah Negara

Pengarah

Institut Perubatan Respiratori

Ketua Pengarah Perkhidmatan Kesihatan

Markas Angkatan Tentera Malaysia
Bahagian Perkhidmatan Kesihatan

Pengarah

Pusat Perubatan Universiti Malaya

Pengarah

Pusat Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia

Pengarah

Hospital Universiti Sains Malaysia

Pengarah

Hospital Hospital Pengajar Universiti Putra Malaysia

Pengarah

Hospital Universiti Teknologi Mara

Pengarah

Hospital Universiti Islam Antarabangsa

Presiden

Association Of Private Hospitals, Malaysia (APHM)

Ahli

Majlis Keselamatan Pesakit Malaysia

STRENGTH EXPRESSION OF INJ. ADRENALINE

Strength of single entity injection adrenaline will be expressed in metric unit instead of ratio expression throughout all healthcare facilities in Malaysia.



STRENGTH EXPRESSION:

- ✓ **1mg/ml instead of 1: 1,000**
- ✓ **0.1mg/ml instead of 1: 10,000**

APPLICABLE TO:

- ✓ Drug Labelling
- ✓ Prescribing
- ✓ Dispensing
- ✓ References, eg: policies, protocol etc.